

Tunku Sallehuddin dimasyhur sebagai Raja Muda Kedah



BH
16/12/16
mis-7

→ Pelantikan menggantikan Almarhum Tunku Abdul Malik Sultan Badlishah

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Alor Setar

Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah semalam dimasyhurkan sebagai Raja Muda Kedah dalam satu istiadat di Istana Anak Bukit, di sini.

Pemasyhuran disempurnakan di hadapan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sempena Istiadat Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Sumpah Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah.

Terdahulu, pemasyhuran pelantikan adinda Sultan Kedah itu dibacakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Bakar Din, diikuti lafaz sumpah dan menandatangani watikah sumpah Raja Muda Kedah.

Pemasyhuran turut disaksikan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Hashim Hamzah dan Ketua Hakim Syarie Kedah, Datuk Syekh Abd Rahman Abdullah. Pelantikan Tunku Sallehuddin bagi menggantikan Almarhum Tunku Abdul Malik Sultan Bad-

lishah yang mangkat tahun lalu.

Sebelum ini, Tunku Sallehuddin turut dilantik sebagai Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah menggantikan Allahyarham Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah yang mangkat pada Mei 2014.

Pelihara perpaduan

Sementara itu, Sultan Abdul Halim ketika bertitah pada Istiadat Menjunjung Duli Sempena Keberangkatan Pulang baginda selepas selesai menjalankan tanggungjawab sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-14, menasihatkan rakyat agar sentiasa memelihara perpaduan dan persefahaman.

Sultan Kedah juga mahu rakyat tidak membiarkan perbezaan politik dan agama menjadi penghalang untuk mencapai perpaduan dan persefahaman antara satu sama lain.

"Beta percaya dengan keprihatinan dan kemuafakatan semua pihak, ekonomi negeri akan terus berkembang demi kemakmuran dan kesejahteraan keseluruhan rakyat," titah baginda sambil menasihatkan

kerajaan negeri terus berusaha melaksanakan projek pembangunan yang dirancang, selain merangka projek baharu.

Baginda juga berharap kerajaan lebih peka terhadap permasalahan dihadapi rakyat sekarang dan mengambil langkah yang dapat menangani dan meringankan masalah itu.

Amal perbelanjaan berhemah

"Kerajaan negeri perlu mempertingkatkan projek yang memberi manfaat secara terus kepada rakyat dan mengamalkan perbelanjaan berhemah dalam keadaan ekonomi yang lembab," titah baginda yang turut mengimbuai tempoh lima tahun meninggalkan Kedah selepas dilantik selaku Yang di-Pertuan Agong.

"Selama lima tahun di Kuala Lumpur, Kedah menyaksikan pertukaran kerajaan negeri, pertukaran Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, pertukaran tiga Menteri Besar dan pertukaran tiga Setiausaha Kerajaan Negeri, namun pentadbiran negeri tetap teguh," titah baginda.

Profil

Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah



Diputerakan → di Alor Setar pada 30 April 1942, dibesarkan di Istana Anak Bukit.

Pendidikan → di Sekolah Melayu Alor Merah, Kolej Sultan Abdul Hamid.

Isteri → Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff, ahli Kerabat Diraja Kelantan.

Dua putera → Datuk Tunku Sarafudin Badlishah dan Datuk Tunku Shazuddin Ariff.